



جامعة فشاره تانه دان كالين ترغخانو.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.
Telefon : 09-6231957 samb. 2700 - 2706 Fax. : 09-6229887
3100 - 3115



PTG. TR. G/05/1988/06/02 - (74)

Szfar 1421
Mwi 2000

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.
Pentadbir Tanah, Dungun.
Pentadbir Tanah, Kemaman.
Pentadbir Tanah, Besut.
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.
Pentadbir Tanah, Marang.
Pentadbir Tanah, Setiu.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL 2 / 2000 -
PENYELARASAN KAE DAH KEMASUKAN SYARAT LANJUTAN
TEMPOH MENDIRIKAN BANGUNAN / PERUBAHAN SYARAT
NYATA TANAH KE DALAM DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR
KOMPUTER / DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN KOMPUTER.**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan mengadakan penyelarasan kaedah kemasukan atau bentuk ayat syarat lanjutan tempoh mendirikan bangunan / perubahan syarat nyata tanah ke dalam dokumen hakmilik daftar komputer (DHDK) / dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) di bawah Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer.

2. **LATAR BELAKANG:**

2.1. Diperhatikan serta amat perlu dibuat penyelarasan supaya semua Pejabat Tanah mempunyai satu kaedah sahaja semasa memasukkan ayat syarat lanjutan tempoh mendirikan bangunan / perubahan syarat nyata tanah ke dalam dokumen hakmilik.

10 MAY 2000
Dihantar pada

Tandatangan
Kerani Kaunter/Deputy
Pejabat Penguruh Tanah
& Galian TRG.

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

- 2.2. Terdapat berbagai bentuk ayat dan cara kemasukan syarat lanjutan tempoh mendirikan bangunan / perubahan syarat nyata tanah dibuat oleh Pejabat-Pejabat Tanah. Ada kemasukan dibuat di hadapan DHDK / DHKK di ruangan syarat-syarat nyata dan juga ada kemasukan dibuat di ruangan "rekod kepunyaaan, urusan-urusan dan lain-lain hal mengenai hakmilik".
- 2.3. Bentuk ayat lanjutan tempoh mendirikan bangunan perlu kepada penyelarasan bagi mengelakkan pengujudan terlalu banyak kod-kod syarat tanah sebagaimana penyelarasan kepada syarat nyata dan sekatan kepentingan yang dibuat menurut Arahan PTG. TR. Bil. 2/1996.

3. **KAEDAH PEMEROSESAN PERMOHONAN:**

3.1. **Pemerosesan:**

- a) Semua permohonan bagi melanjutkan tempoh mendirikan bangunan hendaklah dibuat secara bertulis oleh tuan tanah kepada Pejabat-Pejabat Tanah berkenaan;
- b) Permohonan bagi melanjutkan tempoh mendirikan bangunan hendaklah disertakan dengan salinan surat hakmilik;
- c) Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan kertas cadangan dengan mengambilkira pandangannya atas alasan permohonan melanjut tempoh mendirikan bangunan tersebut dengan membuat pengesyoran samada bersetuju atau sebaliknya.

3.2. **Bayaran:**

Walau pun Peraturan Tanah Terengganu 1966 tidak menyatakan secara khusus kadar bayaran mengenai urusan lanjut tempoh mendirikan bangunan, bayaran permohonan lanjut tempoh mendirikan bangunan bolehlah dikenakan mengikut item 20(1) 65 berkaitan ubah syarat nyata.

3.3. **Bentuk Ayat Endosan:**

3.3.1. Mengikut rekod yang ada, terdapat berbagai bentuk ayat lanjutan tempoh mendirikan bangunan khususnya bagi tanah-tanah berimilik kategori "Bangunan" dan "Perusahaan" yang

mana kuasa melulus lanjutan tempoh mendirikan bangunan kediaman / perusahaan adalah oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah yang mana berkenaan.

3.3.2. Lampiran 'C' pada Arahan Pengarah Tanah dan Galian Bil. 2/1996 telah memberi kuasa melulus / menolak permohonan lanjut tempoh mendirikan bangunan kepada Pengarah Tanah dan Galian bagi hakmilik Pendaftar dan Pentadbir Tanah berkenaan bagi hakmilik Pejabat Tanah kecuali tanah-tanah berjenis perusahaan.

DAFTAR

Dibenar melanjutkan tempoh kebenaran mendirikan bangunan perniagaan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya sahaja dan menyiapkan dengan sempurna mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk tempoh dua tahun lagi bermula pada 8 September 1999.

4. **KEPUTUSAN PEMEROSESAN:**

- 4.1. Semua urusan memasukkan ayat kelulusan melanjutkan tempoh kebenaran mendirikan bangunan hendaklah dimasukkan pada ruangan "syarat-syarat nyata" tidak pada ruangan "urusan" dalam DHDK/DHKK;
- 4.2. Bentuk ayat kelulusan lanjutan tempoh kebenaran mendirikan bangunan adalah seperti berikut:-

"Dibenar lanjut tempoh mendirikan bangunan yang disyaratkan selama dua tahun lagi mulai 23 April, 2000.

Nota :

23 April 2000 adalah tarikh kelulusan.

5. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA:**

Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 2/1996 dan 4/1998 dan diberi kuatkuasa pada tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(**DATO' HAJI IBRAHIM BIN A. RAHMAN**)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, (Pendaftaran).

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, (Khidmat Pengurusan).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pelupusan Tanah).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Teknologi Maklumat).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Pembangunan Tanah).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian, (Kuatkuasa dan Galian).

MBM/Ij...
S(PTPTTANAH) DiskA/Dato'
4.00ptg/04052000.